

# \$100j majukan kilang berat

## KERAJAAN AKAN TUBUHKAN PERBADANAN KHAS

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Kerajaan akan menubuhkan Perbadanan Industri Berat (HIC) dengan modal permulaan \$100 juta bagi memastikan kejayaan strategi perindustrian berat di negara ini.

Demikian diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di upacara menandatangani perjanjian usahasama menubuhkan loji sadur timah (ETL) PERSTIMA di Bilik Gerakan, Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Katanya, perkara ini akan dirujukkan kepada Kabinet dalam masa dua minggu ini dan akan dibentangkan di Parlimen pada bulan Jun depan untuk ditubuhkan penubuhannya.

Beliau menegaskan, penubuhan perbadanan itu adalah perlu untuk menyelaraskan projek perindustrian berat yang dirancangan bernilai berjuta-juta ringgit.

Katanya, antara projek yang dirancang kilang pelebur bijih timah, petro kimia dan rancangan untuk membuat enjin kecil.

Modal yang terlibat dalam projek itu bernilai beratus juta ringgit termasuk yang memerlukan modal antara \$500 hingga \$600 juta.

Mengenal projek PERSTIMA berharga \$60 juta di Pasir Gudang, Johor, beliau menegaskan projek ini selaras dengan hasrat dan dasar Kerajaan untuk menggalakan pembinaan perindustrian berat terutama yang menggunakan bahan-bahan asli tempatan.

Katanya, projek ini akan dapat menampung keperluan negara iaitu kira-kira 75,000 tan setahun. Kilang Sadur Timah itu akan dibina dan dilengkapi oleh Kawasaki Steel Corporation.

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah, projek ini akan membuka langkah kepada syarikat-syarikat industri berat luar negeri melabur di negara ini.

"Malaysia mempunyai sumber alam termasuk gas untuk mencapai matlamat ini,"tegasnya.

### Syarikat usahasama

PERSTIMA merupakan syarikat usahasama Malaysia (51), Jepun (34) dan Singapura (15 peratus).

Malaysia disertai oleh Kumpulan Fima Berhad (31), Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (5), Malaysia Mining Corporation Berhad (15) manakala syarikat Jepun yang mempunyai 17 peratus setiap syarikat ialah Kawasato Corporation dan Mitsui & Co.

Syarikat Singapura yang mempunyai lima peratus adalah setiap satu ialah Rin Selco & Sons, Lee Pineapple Co (Pte) Ltd dan United Malayan Pineapple Growers & Cannery Pte. Ltd.

Modal yang dibayar oleh syarikat usahasama tersebut sehingga \$20 juta.

Projek ETL tersebut dijangka akan diserahkan kepada PERSTIMA oleh Kawasaki Steel Corporation pada pertengahan tahun 1982 dan pengeluarannya dapat dijalankan selepas tiga tahun operasinya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berharap keluarannya akan dapat dieksport ke luar negeri.

Projek ETL ini merupakan pertama di Malaysia tetapi yang kedua di Asia Tenggara. Thailand merupakan negara pertama mempunyai kilang ETL.



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (tiri) meneliti dokumen surat hasrat antara PERSTIMA dengan Kawasaki Steel Corporation untuk membina loji sadur timah (ETL) berharga \$60 juta di Pasir Gudang yang berlangung di Bilik Gerakan Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, semalam. — Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia